

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan **Soalan Nombor 70** daripada **YANG BERHORMAT IPOH BARAT** kerana keduanya bertanyakan mengenai isu Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH).

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan atau juga dikenali sebagai Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) adalah salah satu daripada "**Best Management Practice**" (BMP) dalam pengurusan air yang berkesan.

Melihat kepada kebaikan sistem SPAH ini, Kementerian telah membuat pindaan kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 atau juga dikenali sebagai UBBL iaitu Undang-Undang Kecil 2, 10 dan 115. Pindaan-Pindaan ini telahpun dirundingi dan dipersetujui secara bersama dengan Kerajaan Negeri dalam **Mesyuarat Majlis**

Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-64 pada 23 Mei 2011

untuk mensyaratkan sistem SPAH ini.

Buat masa ini, Kerajaan hanya mensyaratkan sistem SPAH untuk **bangunan kediaman rumah banglo dan rumah berkembar** yang mempunyai keluasan bumbung 100 meter persegi atau lebih sahaja. Manakala bagi bangunan berasingan **bukan jenis kediaman juga yang mempunyai keluasan bumbung 100 meter persegi atau lebih** secara amnya. Air yang dikumpulkan melalui teknik SPAH ini boleh digunakan bagi tujuan selain makan-minum atau “non-potable”, termasuk untuk kegunaan sektor perladangan dan pembinaan.

Kajian penyelidikan yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) pula menunjukkan **sekurang-kurangnya 34% daripada jumlah penggunaan air bulanan isi rumah boleh digantikan dengan air hujan untuk dobi, flush dalam tandas dan pembersihan di luar rumah.**

Walau bagaimanapun, sehingga kini, **hanya 6 negeri telah mewartakan pelaksanaan pindaan UKBS mengenai SPAH ini** iaitu Negeri Perak, Selangor, Johor, Melaka, Kelantan dan Perlis. Saya

difahami bahawa Kerajaan-Kerajaan Negeri yang lain akan turut mengambil langkah yang sama dengan mengambilkira beberapa pindaan UKBS yang lain dan seterusnya akan diwartakan secara bersekali.

Kelewatan beberapa Kerajaan-Kerajaan Negeri dalam menyesuaikan dan mewartakan pindaan UKBS mengenai SPAH ini sedikit sebanyak akan memberi kesan seperti :-

- (i) Berlakunya pembaziran air terawat yang sesuai untuk diminum, di mana ianya turut digunakan untuk membasuh kenderaan, mencuci lantai dan mencurah tandas. Sedangkan, untuk kegunaan-kegunaan tersebut, boleh digunakan air hujan dari takungan SPAH; dan
- (ii) Tidak dapat mendokong pelaksanaan Dasar Teknologi Hijau di Malaysia terutamanya dalam penggunaan air terawat di kawasan-kawasan industri bagi tujuan yang tidak memerlukan air terawat. Pelaksanaan SPAH ini boleh membantu memelihara sumber air dan penjimatan tenaga elektrik di loji-loji rawatan air; dan

- (iii) Dari perspektif ekonomi, penggunaan semula air hujan boleh mengurangkan bayaran bil-bil air sama ada kegunaan domestik, komersial mahupun industri. Ianya juga akan mengurangkan penggunaan air terawat, mengatasi masalah bekalan air dan seterusnya dapat memulihara sumber air dan mengurangkan kesan perubahan iklim.

Selain itu daripada pindaan UKBS, Kementerian telah menyediakan Panduan Pelaksanaan Inisiatif Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAHS) untuk membantu PBT merangka strategi melaksanakan inisiatif SPAHS sama ada di bangunan atau SPAHS untuk landskap. Penyediaan Panduan Pelaksanaan ini merupakan rentetan daripada strategi yang terkandung di dalam Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau yang juga diterbitkan oleh pihak Kementerian pada tahun 2012.

Beberapa Agensi Persekutuan yang lain juga turut terlibat secara langsung dalam memperkenalkan dan melaksanakan penggunaan SPAHS iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM).

Bagi Negeri-Negeri yang telah mewartakan pindaan UKBS mengenai penggunaan SPAH ini, saya berharap semua PBT yang berkenaan melaksanakan program ini sebaiknya kerana ianya sedikit sebanyak memberikan impak positif terhadap pengurangan penggunaan air terawat di Malaysia.

Sekiranya PBT mendapati sesuatu projek baru tidak melaksanakan sistem SPAH sebagaimana telah disyaratkan, pihak PBT boleh mengambil tindakan menarik balik CCC, jika pihak pemaju ingkar PBT boleh mengambil tindakan menghantar nama perunding (arkitek, jurutera atau perancang bandar) kepada pertubuhan professional yang berkaitan untuk mengantung lesen mereka.

PBT selaku Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan mempunyai *duty of care* di bawah *common law* dan boleh menggunakan kuasa yang telah diamanahkan untuk memastikan semua pemajuan yang diwajibkan melalui pindaan ini dipatuhi.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014